



Hakim-Hakim 4



© 1997 PUBLISHED BY



© 2021 Comic Bible Society, LLC

PADA ZAMAN SEBELUM UMAT ISRAEL DIPERINTAH RAJA, KEBULURAN DASYAT MELANDA.

RUT

SEORANG LELAKI BERNAMA ELIMELEKH (BERMAKSUD "TUHANKU RAJA") DARIPADA PUAK EFRATA, BERPINDAH KE NEGERI MOAB...

IA MERUPAKAN SATU KEPUTUSAN YANG SUKAR. MOAB TELAH LAMA BERMUSUHAN DENGAN ORANG EFRATA KERANA MEREKA MENGANGGAP ORANG MOAB SEBAGAI KETURUNAN YANG CACAT SEBAB MELAKUKAN HUBUNGAN SUMBANG MAHRAM.

ELIMELEKH JUGA SEORANG YANG BERKUASA JADI ORANG BERASA SEPERTI MEREKA DIABAIKAN DAN DIKHIANATI APABILA DIA MENINGGALKAN MEREKA.

LEBIH TEURK LAGI, ADA YANG PERCAYA DIA TELAH MELUPAKAN TUHAN ISREAL DAN TELAH BERPALING KEPADA TUHAN MOAB.

ISTERI ELIMELEKH ADALAH NAOMI ("MANIS"). DUA ORANG ANAK LELAKINYA BERNAMA MAHLON (SAKIT) DAN KILYON (PEMBAZIRAN), KEDUA-DUA MEREKA DINAMAKAN SEMASA MUSIM KEBULURAN.

ELIMELEKH TINGGAL DI MOAB UNTUK BEBERAPA TAHUN ... DAN DIA MENINGGAL DI SANA.

ISTERINYA, NAOMI, DITINGGALKAN UNTUK MENJAGA ANAK-ANAKNYA BERSENDIRIAN.

ANAK-ANAK LELAKINYA PUN TIDAK BEGITU SETIA KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA ASAL MEREKA. KILYON BERKAHWIN DENGAN PEREMPUAN MOAB, YANG BERNAMA ORPA DAN MAHLON BERKAHWIN DENGAN PEREMPUAN MOAB BERNAMA... **RUT**.

WALAUPUN TIDAK BEGITU CANTIK, DIA MERUPAKAN SEORANG WANITA YANG TIDAK MEMENTINGKAN DIRI.

TETAPI, DIA TIDAK MEMPUNYAI ANAK.



KEMUDIAN KEDUA-DUA ANAK NAOMI TURUT MENINGGAL. KEADAAN INI LEBIH TERUK UNTUK SEORANG JANDA YANG TUA, DI DALAM KEADAAN DUNIA DI MANA BILANGAN WANITA TIDAK BANYAK.



JADI...



IBU NAOMI, MENGAPA KITA BERKEMAS?

KE MANA KITA NAK PERGI?

BALIK KE YEHUDA. SAYA DENGAR MUSIM KEBULURAN DI SANA SUDAH BERAKHIR DAN TIDAK ADA APA-APA DI SINI UNTUK KITA LAGI.



TETAPI, DALAM PERJALANAN MEREKA, NAOMI BERUBAH FIKIRAN...

ANAK-ANAKKU, KAMU TELAH BERSIKAP SANGAT BAIK KEPADA SAYA DAN KELUARGAKU...

...TETAPI KAMU PATUT PULANG KEPADA RUMAH KELUARGAMU DI MOAB!

SEMOGA TUHAN BERKENAN MEMBERIKAN JODOH KEPADA KAMU SUPAYA KAMU BERUMAHTANGGA LAGI!



BIAR SAYA CIUM KAMU SEBELUM KAMU PERGI.

TIDAK! TIDAK!



IBU, KAMI INGIN PERGI DENGAN KAMU!

KAMI AKAN IKUT IBU BALIK KE BANGSA IBU!



LEBIH BAIK
KAMU PULANG,
ANAK-ANAKKU.
MENGAPA KAMU
INGIN IKUT AKU?

AKU TIDAK DAPAT
MELAHIRKAN ANAK UNTUK
DIKAHWINKAN DENGAN KAMU
LAGI! PULANGLAH. AKU
SUDAH TERLALU TUA UNTUK
BERKAHWIN LAGI.



KALAU AKU BERKAHWIN
LAGI – MALAM INI! -- DAN
LAHIRKAN ANAK-ANAK LELAKI,
SANGGUPKAH KAMU
MENUNGGU MEREKA
MEMBESAR?

TIDAK – DAN AKU
SEDIH DENGAN APA
YANG KAMU TERPAKSA
ALAMI KERANA
HUKUMAN TUHAN
TERHADAP AKU!



ORPA MENCING NAOMI DAN
MENGUCAPKAN SELAMAT TINGGAL...
TETAPI RUT TIDAK MAHU
MENINGGALKAN IBU
MENTUANYA.

LIHATLAH RUT...
BIRASMU SUDAH PULANG
KEPADA BANGSA DAN
DEWA-DEWANYA.
PERGILAH, ANAKKU!

TIDAK!



JANGANLAH
SURUH SAYA PULANG.
BENARKANLAH SAYA
MENGIKUT IBU.

KE MANA
IBU PERGI, SAYA
AKAN IKUT ...
DI MANA IBU
TIDUR, DI SITU
JUGA SAYA AKAN
TIDUR...



BANGSA IBU,
AKAN MENJADI
BANGSA SAYA JUGA,
ALLAH IBU,
ALLAH SAYA!



DI MANA IBU
MENINGGAL, DI
SITULAH SAYA AKAN
MENINGGAL DAN
DIKEBUMIKAN...

BIARLAH TUHAN
MENGHUKUM SAYA
DENGAN BERAT JIKA
SAYA BIARKAN APA-APA
MEMISAHKAN KITA
KECUALI KEMATIAN!



BAIKLAH ANAKKU...
KITA TIDAK AKAN
BERCAKAP TENTANG
PERJALANAN KE
MOAB LAGI...



MEREKA MENERUSKAN PERJALANAN SEHINGGA MEREKA
SAMPAI DI BETLEHEM PADA PEMULAAN MUSIM PENUAIAN BARU.

EH! BUKANKAH
ITU JIRAN KAMI DULU,
NAOMI?

DIA NAMPAK LAIN - SAYA
HAMPIR TIDAK
MENGENALI DIA!

SIAPA ORANG
ASING ITU
DENGAN DIA?

IA - SEORANG
MOAB!!



NAOMI -
BENARKAH ITU
KAMU?

APA YANG
TERJADI KEPADA
KAMU?

KE MANA
KAMU PERGI
SEBELUM INI?



KAWAN-KAWANKU,
ALLAH YANG MAHA KUASA TELAH
MENJADIKAN KEHIDUPAN SAYA
PAHIT... SUAMI DAN ANAK-ANAKKU
SUDAH MENINGGAL DAN
DIBUMIKAN DI MOAB.

DULU SAYA
MENINGGALKAN TEMPAT
INI PENUH DENGAN
KEGEMBIRAN, TETAPI
KINI, SAYA BALIK DENGAN
DUKA CITA...



JANGAN PANGGIL SAYA
NAOMI.... PANGGIL SAYA
MARA... JANGAN PANGGIL
SAYA "MANIS"... PANGGIL
SAYA "PAHIT"...



MARI IBU ...
MARI KITA BALIK KE
RUMAH KITA.

ADUH MALANGNYA
NASIB NAOMI - HANYA
TINGGAL SEORANG MOAB
YANG KOTOR UNTUK
MENJAGANYA PADA
UMUR TUANYA ITU!



WALAUPUN NAOMI MASIH MEMPUNYAI TANAH YANG DICAGARKAN KEPUNYAAN SUAMINYA, DIA TIDAK MEMPUNYAI SEBUAH RUMAH JADI MEREKA TINGGAL DI DALAM SEBUAH KHEMAH YANG SEDERHANA.

KITA PERLUKAN MAKANAN, IBU. BENAR-KANLAH SAYA PERGI KE LADANG UNTUK MENGUMPUL BARLI YANG TERJATUH DARI TANGAN PARA PENUI. TENTU SAYA AKAN MENEMUI SEORANG YANG AKAN MENOLONG KAMI.



PEGILAH ANAKKU, TETAPI BERHATI-HATI... PARA PENUI KADANG-KADANG BERSIKAP KASAR.



UNDANG-UNDANG MEMBERI SYARAT BAHAWA PENUI TIDAK DIBENARKAN MENUAI DI SUDUT-SUDUT LADANG...

DENGAN ITU, SISA-SISA BOLEH DI KUMPUL (ATAU "DIPUNGUT") OLEH ORANG MISKIN DAN ORANG ASING.

RUT MISKIN DAN SEORANG ASING... DAN TIDAK MEMPUNYAI CARA LAIN UNTUK MENYARA HIDUPNYA DENGAN NAOMI.

KEBETULAN PULA, DIA BERADA DI LADANG KEPUNYAAN BOAS, SEORANG SANAK SAUDARA ELIMELEKH!



DIA MERUPAKAN SEORANG LELAKI YANG BERPANGKAT BESAR DI BETLEHEM. NAMANYA BOAS (BERMAKSUD "DALAMNYA ADALAH KEKUATAN").

BOAS SENDIRI DATANG DARI BETLEHEM UNTUK MEMBERIKAN SALAM KEPADA PARA PEKERJANYA...

SEMOGA TUHAN MENYERTAI KAMU!

SEMOGA TUHAN MEMBERKATI, TUAN BOAS!



JADI..
SIAPAKAH
KELUARGA
WANITA ITU?

DIA WANITA
ASING YANG BARU
DATANG DARI MOAB
BERSAMA NAOMI. DIA
SANGAT SOPAN
DAN RAJIN!



DIA MINTA IZIN UNTUK MENGIKUT
PARA PEKERJA KITA MEMUNGUT
BARLI YANG TERCICIR DAN SEJAK
PAGI LAGI DIA BEKERJA, DAN
BARU SAJA BERHENTI UNTUK
BEREHAT SEBENTAR!

AH, YA...
SAYA ADA DENGAR
TENTANG DIA DARI
ORANG LAIN!



WALAU PUN MEREKA TAHU BOAS
SEORANG LELAKI YANG BAIK,
TETAPI PENUI LAIN MASIH
TERKEJUT DENGAN APA YANG
BERLAKU SETERUSNYA...

LAGI-LAGI,
RUT SENDIRI
PUN TERKEJUT!

DENGARLAH NASIHAT
SAYA. JANGAN PERGI
MEMUNGUT BARLI DI LADANG
LAIN, KECUALI DI LADANG
INI. BEKERJALAH DENGAN
PARA WANITA DI SINI.



KAMU AKAN
SELAMAT. DENGAN
TEGAS SAYA TELAH
MELARANG PARA
PEKERJA LELAKI SAYA
UNTUK MENGGANGGU
KAMU!



APABILA KAMU
HAUS, MINUMLAH AIR
DARI TEMPAYAN-TEMPAYAN
YANG MEREKA
TELAH ISIKAN.

RUT TERHARU DAN BERSUJUD
DI HADAPAN BOAS...

TUAN, MENGAPA
ENKAU MENGAMBIL
BERAT TERHADAP SAYA
DAN BEGITU BAIK
TERHADAP SAYA,
SEORANG ASING?

SAYA TELAH MENDENGAR SEGALA YANG KAMU
LAKUKAN UNTUK IBU MENTUAMU SEJAK
SUAMIMU MENINGGAL. SAYA TAHU KAMU TELAH
MENINGGALKAN IBU BAPA DAN NEGERI KAMU
UNTUK TINGGAL BERSAMA DENGAN BANGSA
YANG KAMU TIDAK KENAL!

SEMOGA KAMU MENERIMA APA YANG PATUT DIBERIKAN
KEPADAMU OLEH TUHAN, ALLAH ISRAEL, KERANA KAMU
TELAH DATANG UNTUK BERLINDUNG
DI BAWAH SAYAP-NYA!

TUAN TELAH MENYENANGKAN
HATI SAYA. TUAN TELAH
BERCAKAP LEMBUT KEPADA
SAYA, WALAUPUN SAYA TIDAK
SETARAF DENGAN PEKERJA
TUAN!

KEMUDIAN, PADA MASA MAKAN...

MARILAH MAKAN.
CELUPKANLAH ROTIMU
DI DALAM KUAHNYA.

RUT DUDUK BERSAMA-SAMA PARA PEKERJA
YANG LAIN LALU BOAS MENGHIDANGKAN BARLI
PANGGANG KEPADANYA. RUT MAKAN SEHINGGA
KENYANG DAN ADA LEBIHAN MAKANANNYA.

KEMUDIAN DIA SAMBUNG
MEMUNGUT BARLI.



INI SEORANG WANITA YANG BAIK HATINYA. BIARLAH DIA MEMUNGUT BARLI BAHKAN ANTARA YANG SUDAH DIBERKAS. JANGAN LARANG DIA.



DAN SEMUA PENUAI DIMINTA UNTUK MENCABUT BEBERAPA BATANG BARLI DAN TINGGALKANLAH BERKAS-BERKAS ITU DAN TINGGALKANLAH DI SANA SUPAYA DAPAT DIPUNGUTNYA.

BAIKLAH, TUAN.



RUT MEMUNGUT BARLI DI LADANG ITU SEHINGGA SENJA. SETELAH DIA MENGIKIR BARLI, DIA MENDAPATI BAHAWA BARLI YANG DIKUMPULKANNYA BEGITU BANYAK!



DIA MEMBAWA BARLI ITU BALIK LALU MEMBERINYA KEPADA IBU MENTUANYA DENGAN MAKANAN LEBIHANNYA.



DI MANA ENKAU MENDAPAT SEMUA INI? DI LADANG SIAPA ENKAU BEKERJA? SEMOGA ALLAH MEMBERKATI ORANG YANG BERBUAT BAIK KEPADAMU!



YA, LELAKI YANG SAYA BERKERJA UNTUK HARI INI BERBUDI BAIK KEPADA SAYA.

NAMANYA BOAS.



SEMOGA TUHAN
MEMBERKATI BOAS!

OH, RUT—
TAHUKAH APA INI
BERMAKSUD? TUHAN TIDAK
MENINGGALKAN KAMI!

ORANG ITU SAUDARA
DEKAT KAMI-- DIALAH
PENYELAMAT KAMI!



BUKAN UNTUK HARI INI SAJA, IBU NAOMI.
DIA MEMBENARKAN SAYA MEMUNGUT
BARLI BERSAMA PARA PEKERJANYA
SEHINGGA MEREKA HABIS MENUAI
SELURUH LADANG ITU!



INI BERITA BAIK, NAK. LEBIH BAIK
ENGKAU BEKERJA DENGAN PARA
PEKERJA WANITA DI LADANG BOAS
UNTUK PERLINDUNGAN!



JADI RUT MENIKUTI PARA
PEKERJA WANITA DI LADANG
BOAS. RUT MEMUNGUT BARLI
DAN GANDUM DI SANA SEHINGGA
SEMUA NYA HABIS DITUAI.

DAN DIA SENTIASA SETIA DENGAN IBU MENTUANYA,
DAN KONGSIKAN SETIAP PUNGUTAN HARIANNYA.

LEWAT SATU TENGAH HARI...

ANAKKU, AKU HARUS
DAPATKAN SEORANG SUAMI
UNTUKMU, SUPAYA ENKAU
MEMPUNYAI RUMAH TANGGA
SENDIRI DAN HIDUP BAHAGIA
SELEPAS SAYA MENINGGAL!

DAN IBU
RASA BOAS
ADALAH PILIHAN
TERBAIK!

LAGI-LAGI,
DIA KAN SAUDARA
KELUARGA KAMI?

DENGARLAH NAK...
SENJA INI DIA AKAN
MENGIRIK BARLI...

MANDISEKARANG...
GUNALAH MINYAK WANGI...
PAKAI BAJU TERCANTIKMU...
KEMUDIAN PERGILAH
KE TEMPAT DIA!

JANGAN TUNJUKKAN DIRIMU
SEHINGGA DIA SELESAI MAKAN
DAN MINUM...

PERHATIKANLAH
TEMPAT DIA
BERBARING...

SETELAH DIA LENA,
BUKA SELIMUTNYA...
BARING DI KAKINYA...
DIA AKAN BERITAHU
KAMU APA YANG HARUS
KAMU LAKUKAN.

IA BERISIKO...
TETAPI SAYA MESTI
DAPATKAN SEORANG
SUAMI UNTUK RUTI!

SAYA... SAYA
AKAN MENURUT
SEGALA KATA-KATA
IBU...



TIDAK LAMA KEMUDIAN...

SAYA
TAKUT...

TETAPI SAYA HARUS
LAKUKAN INI UNTUK
MENCARI KESELAMATAN
UNTUK IBU
MERTUAKU...



UNTUK
MENOLONG DIA
MEMBINA SEMULA
KELUARGANYA!



SELEPAS DIA BARING
DAN TIDUR, RUT
MENDEKATI DIA
DENGAN DIAM DAN
TIDUR DEKAT KAKINYA.



PADA TENGAH MALAM,
BOAS TERJAGA DAN TERKEJUT
MELIHAT SEORANG WANITA
TIDUR DEKAT KAKINYA!

SIA- SIAPA
ITU? SIAPA
KAMU?

HAMBAMU, RUT,
TUANKU.



SUDILAH TUN MENGEMBANGKAN
JUBAH UNTUK MELINDUNGI
SAYA DAN MENJADIKAN SAYA
ISTERI TUN...

OLEH SEBAB
TUN SAUDARA
DEKAT KAMI, TUNLAH
PENYELAMAT
KELUARGA SAYA!



TUNAN MEMBERKATI
KAMU, NAK... KAMU BOLEH
MENCARI SEORANG PEMUDA,
BAIK YANG KAYA ATAU PUN
YANG MISKIN, TETAPI KAMU
TIDAK BERBUAT DEMIKIAN.

DENGAN
PERBUATANMU INI,
KAMU MENUNJUKKAN
KESETIAAN YANG LEBIH
BESAR DARIPADA APA
YANG TELAH KAMU
LAKUKAN TERHADAP
IBU MENTUAH!



JANGAN KHUATIR, RUT. SAYA AKAN MEMENUHI SEGALA PERMINTAANMU. SEMUA ORANG DI KOTA TAHU BAHAWA KAMU WANITA BAIK YANG BUDI PEKERTI.



MEMANG BENAR SAYA INI SAUDARA DEKATMU, TETAPI ADA LAGI SEORANG SAUDARAMU YANG LEBIH DEKAT DARIPADA SAYA. ESOK KITA AKAN LIHAT SAMA ADA DIA INGIN BERTANGGUNJAWAB TERHADAP KAMU. JIKA SAUDARA ITU MAHU, BIARLAH DIA BUAT DEMIKIAN...



JIKA TIDAK -- SAYA BERJANJI DEMI ALLAH YANG HIDUP -- SAYA AKAN BERTANGGUNJAWAB TERHADAP HIDUPMU.

SEKARANG TIDURLAH HINGGA PAGI... TIDAK SELAMAT UNTUK PULANG SEKARANG.



JADI RUT TINGGAL DI SITU SEHINGGA SENJA... KEMUDIAN BOAS BERDOA.

OH TUHAN, ENGKAU TAHU SAYA TIDAK MENYENTUH RUT...

JANGANLAH IA DIKETAHUI YANG DIA DATANG KE SINI, SUPAYA NAMAMU TIDAK DICEMARI MELALUI KU.



KEMUDIAN BOAS MEMBERI RUT SEBANYAK BARLI YANG DIA DAPAT BAWA... SEBAGAI HADIAH UNTUK MENUNJUKKAN KEPADA NAOMI YANG DIA TIDAK MENGHANTAR RUT BALIK DENGAN MALU.



JADI RUT KEMBALI KE BETLEHEM...

APA YANG TERJADI, NAK?







SAUDARA-SAUDARA MENJADI SAKSI HARI INI, SAYA TELAH MEMBELI SEGALA YANG DIMILIKI ELIMELEKH DAN ANAK-ANAKNYA, KILYON DAN MAHLON, DARIPADA NAOMI!!

DI SAMPING ITU PULA, RUT, WANITA MOAB, BALU MAHLON ITU, AKAN MENJADI ISTERI SAYA SEKARANG. TANAH ORANG YANG SUDAH MENINGGAL AKAN TETAP MENJADI MILIK KETURUNANNYA!



SAUDARA-SAUDARALAH YANG MENJADI SAKSI HAL INI PADA HARI INI!!



YA! KAMI MENJADI SAKSI!!

SEORANG LELAKI YANG KURANG MULIA MUNGKIN AKAN MENIPUSAUDARA-SAUDARANYA...

...DENGAN PERJANJIAN RAHSIA UNTUK MEMBELI TANAH ITU ATAU UNTUK BERKAHWIN DENGAN JANDA MUDA ITU...

...TETAPI KAMU TELAH BERTINDAK DENGAN TERBUKA DENGAN PERTIMBANGAN PENUH UNTUK SEMUA ORANG!



SEMOGA TUHAN MEMBOLEHKAN ISTERIMU MENJADI SEMPURNA SEPERTI RAHEL DAN LEA, YANG ANAK-ANAK MENJADI BAPA KEPADA 12 PUAK!

SEMOGA ANAK-ANAK YANG TUHAN AKAN KURNIAKAN KEPADAMU DARIPADA WANITA MUDA INI AKAN MENJADI SEMPURNA KELUARGA PERES, ANAK YEHUDA DAN TAMAR!

JADI BOAS BERKAHWIN DENGAN RUT... DAN TUHAN MEMBERKATI MEREKA
DAN RUT MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI...



PUJI TUHAN!
HARI INI, DIA TELAH
MEMBERI KAMU
SEORANG CUCU
UNTUK MEMELIHARA
KAMU.

SEMOGA
ANAK INI
DIKENALI DI
SELURUH
ISRAEL!

DIA AKAN MEMBERI
HIDUP YANG BARU
KEPADAMU, DAN
MENJAMIN HARI
TUAMU...

...KERANA MENANTUMU YANG
MENGASIHI KAMU TELAH MEMPERLAKUKAN
KAMU LEBIH BAIK DARIPADA TUJUH ORANG
ANAK LELAKI, TELAH MEMBERI KAMU
SEORANG CUCU!




YA!
SEORANG ANAK
LELAKI TELAH
DILAHIRKAN
KEPADA
NAOMI!!!



...DAN MEREKA NAMAKAN
ANAK ITU OBED ("PELAYAN").

INI GENERASI PERES, BAPA DARIPADA PUAQ
YANG PALING TERKENAL DI YEHUDA, PUAQ BOAS...



PERES
MERUPAKAN BAPA
KEPADA HEZRON...

HEZRON
KEPADA RAM...

NAHASON KEPADA
SALMON...

OBED KEPADA
ISAI...

SALMON
KEPADA BOAS...

AMINADAB KEPADA
NAHASON...

RAM KEPADA
AMINADAB...

BOAZ BAPA
KEPADA OBED...

ISAI KEPADA RAJA AGUNG
ISREAL, DAUD.

OLEH ITU, RUT DAN BOAS MERUPAKAN NENEK
MOYANG MESIAS... YESUS KRISTUS!

TERDAPAT SEORANG LELAKI BERNAMA
ELKANA YANG MEMPUNYAI DUA ORANG ISTERI
YANG TINGGAL DI KAWASAN BUKIT EFRAIM.

SEORANG BERNAMA HANA DAN
SEORANG LAGI BERNAMA PENINA.

PENINA
MEMPUNYAI ANAK
TETAPI HANA TIDAK.

TIAP-TIAP TAHUN ELKANA AKAN PERGI KE SILO UNTUK
BERIBADAT DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN.

DI SILO, HOFNI DAN PINEHAS, ANAK-ANAK
ELI, MENJADI IMAM-IMAM TUHAN.

TIAP-TIAP KALI ELKANA MEMPERSEMBAHKAN
KORBAN, DIA MEMBERIKAN SATU BAHAGIAN
DAGING KORBAN ITU KEPADA PENINA DAN SATU
BAHAGIAN KEPADA SETIAP ANAKNYA.

TETAPI DIA SELALU MEMBERI BAHAGIAN LEBIH
BESAR KEPADA HANA – SEBAB DIA MENCINTAINYA
HANA – DAN DIA BERASA KESIAN TERHADAP
HANA KERANA DIA TIDAK MEMPUNYAI ANAK.

MUNGKIN TUHAN TELAH LUPAKAN
KAMU — KAMU TIDAK BOLEH
MENGADUNG.

TETAPI SAYA—
BOLEH MEMBERI
ANAK LELAKI DAN
PEREMPUAN
KEPADA SUAMI
KAMI.

MENGAPA KAMU TIDAK
MAHU MAKAN DAN MENGAPA
KAMU SELALU BERSEDIH?

BUKANKAH
AKU LEBIH BERHARGA
BAGIMU BERBANDING
DENGAN 10 ORANG
ANAK LELAKI?

PADA SUATU HARI DI RUMAH TUHAN,
DI SILO, HANA BERDOA KEPADA TUHAN.

YA TUHAN YANG MAHA
KUASA, PERHATIKANLAH HAMBAMU
INI. LIHATLAH KESUSAHANKU,
DAN INGATLAH AKAN AKU. JIKA
ENKAU MEMBERI SEORANG ANAK
LELAKI KEPADAKU, AKU BERJANJI
AKAN MENYERAHKAN DIA KEPADA-MU
SEUMUR HIDUPNYA.

KENAPA KAMU
MINUM ARAK DI
RUMAH TUHAN?
JANGAN MINUM AIR
ANGGUR ITU LAGI!

TUAN, SAYA TIDAK
MABUK! SAYA SEDANG
BERDOA DAN MELUAHKAN
ISI HATI SAYA KEPADA
TUHAN.

TOLONG JANGAN
ANGGAP SAYA SEBAGAI
PEREMPUAN HINA –
HANYA SEORANG YANG
MENDERITA DAN
PENUH DENGAN
KESEDIHAN.

JIKA BEGITU, PULANGLAH DENGAN
SEJAHTERA. SEMOGA ALLAH ISRAEL
MENGABUL PERMINTAANMU.

SEMOGA SAYA
MENDAPAT RESTU
TUAN.

TUHAN MENDENGAR DOANYA DAN MEMBERINYA DAN
SUAMINYA ELKANA SEORANG ANAK LELAKI.

HANA NAMAKAN ANAK ITU SAMUEL, YANG
BERMAKSUD, "AKU SUDAH MEMINTANYA
DARIPADA TUHAN."



KAMU TIDAK AKAN MENGIKUTI SAYA TAHUN INI UNTUK PERSEMAHKAN KORBAN TAHUNAN?

SEBAIK SAJA SAMUEL BERCERAI SUSU, AKU AKAN MEMBAWA DIA KE RUMAH TUHAN.

DIA AKAN TINGGAL DI SANA SEUMUR HIDUPNYA.



SEPERTI YANG DIJANJIKAN, HANNA KEMBALI KE RUMAH TUHAN DENGAN PENGORBANAN UNTUK TUHAN - DAN YANG PALING PENTING, ANAK LELAKINYA.

DIA MENYERAHKAN SAMUEL KEPADA TUHAN UNTUK MELAYANI DIA SEUMUR HIDUPNYA.



SAYALAH PEREMPUAN YANG TUAN NAMPAK BERTENDI DI SINI DAHULU - YANG MENANGIS DI HADAPANMU.

SAYA BERDOA UNTUK ANAK INI DARIPADA TUHAN, DAN SEKARANG SAYA MENYERAHKANNYA KEPADA TUHAN.

ANAK INI AKAN MENJADI MILIK TUHAN SEUMUR HIDUPNYA.

TUHAN MENGGEMBIRAKAN HATIKU; ALANGKAH SUKACITANYA AKU KERANA ALLAH SUDAH MENOLONG-KU.

TIADA SESIAPA PUN YANG SUCI SEPERTI TUHAN; DIA TIDAK ADA TANDINGAN; HANYA ALLAH KITA YANG DAPAT MEMBERI PERLINDUNGAN.

...DIA MERENDAHKAN DAN MENINGGIKAN ORANG.



IBU BAPANYA PULANG TETAPI SAMUEL, ANAK ITU TINGGAL DI SILO DAN MENGABDI KEPADA TUHAN DI BAWAH PENGAWASAN IMAM ELI.



TETAPI, ANAK-ANAK ELI
BEGITU JAHAT...

KAMU TIDAK
BOLEH MENGAMBIL
BAHAGIAN DAGING
ITU!

SEBAGAI
SEORANG IMAM,
SAYA BOLEH
MENGAMBIL MANA
-MANA BAHAGIAN
YANG SAYA
MAHU.

DATANG
DENGAN SAYA!

SANGGUP
ENGKAU LAKUKAN
BEGINI? INI TEMPAT
PENYEMBAHAN
TUHAN.

DALAM SETIAP TINDAKAN,
MEREKA MEREMEHKAN
PERSEMBAHAN KORBAN
UNTUK TUHAN.

... DI MATA TUHAN,
MEREKA MELAKUKAN
DOSA YANG BESAR.

IBU SAMUAL MENJAHIT SEBUAH JUBAH
KECIL DAN SAMUEL MEMAKAI KAIN LINEN
SEPERT BAJU IBADAT PARA IMAM.

DAN ELI MEMBERKATI
ELKANA DAN ISTERINYA.



SEMOGA TUHAN
MENGURNIAI KAMU ANAK-ANAK
LAIN DARIPADA ISTERIMU INI,
UNTUK MENGGANTIKAN ANAK
YANG SUDAH KAMU SERAHKAN
KEPADA TUHAN.

DAN TUHAN MEMBERI MEREKA TIGA ORANG
ANAK LELAKI DAN DUA ORANG ANAK PEREMPUAN.

TETAPI ELI MENEGUR ANAK-ANAKNYA
TENTANG SIKAP BURUK MEREKA...

JIKA SESEORANG BERDOSA
TERHADAP MANUSIA, ALLAH DAPAT
MEMBELANYA; TETAPI JIKA SESEORANG
BERDOSA TERHADAP TUHAN,
SIAPA YANG DAPAT MEMBELANYA?

... TETAPI ANAK-ANAK ELI TIDAK
MEMPEDULIKAN NASIHAT BAPA MEREKA.

SEBALIKNYA SAMUEL, SEMAKIN BESAR DAN SEMAKIN DISUKAI OLEH TUHAN DAN SEMUA ORANG.

PADA SUATU HARI SEORANG NABI DATANG KEPADA ELI.

TIDAKKAH AKU MENAMPACKAN DIRI KU KEPADA RUMAH BAPA-MU KETIKA MEREKA BERADA DI MESIR?

DARIPADA SEMUA SUKU ISRAEL, AKU MEMILIH BAPA-MU UNTUK MENJADI IMAM-KU UNTUK BERTUGAS DI MAZBAH DAN MEMBAKAR KEMENYAN.

MENGAPA KAMU MENCEMUH PENGORBANAN AKU?

MENGAPA ENKAU LEBIH MENGHORMATI ANAK-ANAKMU DARIPADA AKU?

DENGARLAH KATA-KATA TUHAN - ALLAH ISREAL.

MEREKA YANG MENGHORMATI AKU AKAN KU HORMATI, DAN MEREKA YANG MENGHINA AKU AKAN DIHINA.

TIADA SEORANG LELAKI PUN DARIPADA KELUARGAMU YANG AKAN HIDUP SAMPAI USIA LANJUT.

KEDUA-DUA ORANG ANAKMU - SEBAGAI TANDA BAGIMU -- AKAN MENINGGAL PADA HARI YANG SAMA.

AKU AKAN MEMILIH SEORANG IMAM YANG SETIA KEPADA-KU DAN YANG MELAKUKAN SEGALA PERINTAH-KU.

AKU AKAN MEMBERI DIA Keturunan yang sentiasa bertugas sebagai imam kepada raja yang aku pilih.

PADA MASA ITU, IA JARANG
UNTUK MENDAPATKAN FIRMAN
SEPERTI INI DARI TUHAN.

PADA SUATU
MALAM, TUHAN
BERFIRMAN...



SAYA DI
SINI.



TUAN
MEMANGGIL
SAYA; JADI SAYA
DATANG.

SAYA TIDAK MEMANGGIL
ENKAU. PERGILAH TIDUR. LALU
SAMUEL PERGI TIDUR SEMULA.



APABILA INI BERLAKU UNTUK
KALI KETIGA, ELI BERTAKA...



PERGI TIDUR. JIKA ENKAU
DIPANGGIL LAGI, JAWABLAH,
'BERFIRMANLAH, YA TUHAN.
HAMBA-MU MENDENGAR.'



SAMUEL!
SAMUEL!

BERFIRMANLAH,
YA TUHAN.
HAMBA-MU
MENDENGAR.

AKU AKAN
MELAKUKAN SUATU PERKARA
YANG DAHSYAT TERHADAP
UMAT ISRAEL, SEHINGGA
TIAP-TIAP ORANG YANG
MENDENGARNYA AKAN
TERPEGUN.

PADA HARI ITU AKU
AKAN MELAKSANAKAN
SEGALA ANCAMAN-KU
TERHADAP KELUARGA ELI, DARI
MULA SAMPAI AKHIR.

ANAK-ANAKNYA
TELAH MENGHINA
AKU TETAPI ELI TIDAK
MENGHALANG
MEREKA.

TIADA KORBAN
ATAU PERSEMBAHAN
YANG AKAN DAPAT
MENGHAPUSKAN DOSA
DAHSYAT ITU.





SAMUEL,
ANAKKU,
DATANGLAH
KEPADAKU.

YA
TUAN.

APAKAH YANG
DIFIRMANKAN TUHAN
KEPADAMU?

CERITAKANLAH
SEGALANYA
KEPADAKU.

TUAHN BERKATA
DIA AKAN LAKUKAN
SUATU PERKARA YANG
BARU DAN DASYAT
DI ISREAL - ORANG
AKAN TAKUT.

DAN KELUARGA-MU
AKAN DI HAPUSKAN -
TERMASUK ANAK-ANAK
KAMU - KERANA MEREKA
TELAH MENGHINA TUHAN.

DIALAH TUHAN;
BIARLAH DIA
MELAKUKAN
APA YANG
DIANGGAP-NYA
BAIK.

TUHAN MENYERTAI SAMUEL DAN SEGALA YANG TUHAN
KATAKAN KEPADANYA BENAR-BENAR BERLAKU.
MAKA SEGENAP UMAT ISRAEL DARI SELURUH NEGERI
ITU MENGAKUI BAHAWA SAMUEL IALAH NABI TUHAN.

TUHAN MENAMPACKAN DIRINYA KEPADA SAMUEL
DAN SEMUA UMATNYA MENDENGAR DENGAN
TEKUN KATA-KATA SAMUEL DARIPADA TUHAN.

RAMALAN TUHAN MENJADI KENYATAAN; ORANG FILISTIN MULAI MENGUMPUL TENTERA MEREKA UNTUK MENYERANG ISRAEL.



PADA HARI PERTAMA, KIRA-KIRA 4,000 ORANG ISRAEL DIBUNUH OLEH TENTERA FILISTIN DI MEDAN PEPERANGAN.



MENGAPA TUHAN BIARKAN INI BERLAKU?

MENGAPA TUHAN BIARKAN ORANG FILISTIN MENGALAHKAN KAMI?!

KITA MESTI MEMBAWA BALIK TABUT PERJANJIAN TUHAN DARI SILO.



YAAAH!!!

SEKARANG KAMI TIDAK BOLEH DIKALAHKAN - KERANA TABUT PERJANJIAN TUHAN AKAN MENYERTA KITA.

TABUT PERJANJIAN INI MENJADIKAN KAMI LEBIH KUAT.



ADA DEWA DATANG KE PERKHEMAHAN MEREKA -- CELAKALAH KITA!

DEWA-DEWA ITULAH YANG TELAH MEMBINASAKAN ORANG MESIR DI PADANG GURUN DAHULU!

JANGAN TAKUT DAN BERPERANGLAH SEPERTI LELAKI, JIKA TIDAK, KITA AKAN MENJADI HAMBA ORANG IBRANI SEPERTI MEREKA DAHULU. MENJADI HAMBA KITA.



KEKALAHAN PADA HARI SETERUSNYA MENJADI LEBIH TERUK--
SEBANYAK 30,000 ORANG ASKAR ISRAEL DIBUNUH.



DAN TENTERA FILISTINE
MENGAMBIL HARTA TERPENTING
MEREKA - TABUT PERJANJIAN ALLAH.

DAN RAMALAN TUHAN MENJADI KENYATAAN --
KEDUA-DUA ORANG ANAK ELI, DIBUNUH
PADA HARI YANG SAMA.



APA BUNYI BISING
ITU – DAN MANA
TABUT PERJANJIAN
ALLAH?

KAMI MENGALAMI
KEKALAHAN YANG
TERUK SEKALI
DENGAN TENTERA
FILISTIN.
KEDUA-DUA
ANAK TUAN
DI BUNUH...

...DAN TABUT
PERJANJIAN ALLAH
JUGA DIRAMPAS MUSUH!

APABILA ELI MENDENGAR
BERITA SEDIH ITU, DIA JATUH
TERLENTANG DARI KERUSINYA –
DAN LEHERNYA PATAH.

PADA MASA ITU, MENANTU ELI, ISTERI PINEHAS,
YANG MENGANDUNG SEDANG BERSALIN.

DIA DIRUNDUNG KESEDIHAN DAN BERBARING
DI SITU HAMPIR MATI SAMBIL MEMBERI ARAHAN...

NAMA DIA
IKABOD – KERANA
ISRAEL SUDAH
KEHILANGAN
KEMULIAAN ALLAH.

SETELAH ORANG FILISTIN MERAMPAS TABUT PERJANJIAN, MEREKA MEMBAWANYA DARI EBEN-HAEZER KE ASDOD, KOTA MEREKA.



DAN MEREKA MELETAKKAN TABUT ITU DI DALAM KUIL MEREKA - DI SISI DEWA DAGON.



HARI SETERUSNYA...

APA YANG TERJADI KEPADA DAGON?!

DIA TERTELUNGKUP KE TANAH! SIAPA YANG LAKUKAN INI?



DAGON HARUS DUDUK DI TEMPAT BETULNYA.

...UNTUK MELIHAT PENGIKUTNYA, SAMA ADA BILA KITA DI LAUT ATAU DI DARAT.



HARI SETERUSNYA...

DAGON - TANGANYA HILANG...

DAN KEPALANYA ... TERPENGKAL DAN TERLETAH DI AMBANG PINTU.

TUHAN ORANG IBRANI MARAH DENGAN KAMI!







LIHAT TU -
TABUT
PERJANJIAN.

SAYA TIDAK
PERCAYA - TUHAN
TELAH PULANGANNYA
KEPADA UMATNYA.



INI PERBUATAN
ALLAH - KITA MESTI
MEMBERI
PENGHORMATAN
KEPADANYA.

POTONGLAH
KAYU PEDATI INI DAN
GUNAKAN IA UNTUK
MEMPERSEBAHKAN LEMBU-
LEMBU INI SEBAGAI
KORBAN BAGI TUHAN.



TENGOK NI -
BENGKAK TIRUAN
EMAS DAN
TIKUS EMAS.

YA- ADA LIMA
SETIAP SATU -
SEBAGAI PERSEBAHAN
PENEBUS DOSA UNTUK
LIMA KOTA-KOTA
FILISTIN.



AAAIYEE!

TETAPI TUHAN MEMBUNUH TUJUH PULUH ORANG
PENDUDUK BET-SEMES ... KERANA MERKA
MELIHAT KE DALAM TABUT PERJANJIAN ALLAH.

PENDUDUK KIRYAT-YEARIM MENGAMBIL TABUT PERJANJIAN TUHAN DAN
MELETAKNYA DI DALAM RUMAH DI ATAS SEBUAH BUKIT -- MERKA MENTAHBISKAN
ELEAZAR ANAK ABINADAB UNTUK MENJAGA TABUT PERJANJIAN ITU.



TABUT PERJANJIAN TUHAN BERADA DI KIRYAT-YEARIM,
KIRA-KIRA DUA PULUH TAHUN DAN SELAMA ITU
SEGENAP UMAT ISRAEL BENAR-BENAR Mencari Tuhan.





APA ITU?!

BOOM

INI MESTI
PERBUATAN TUHAN
ORANG ISREAL
LAGI - LARI!



TUHAN ADA
DENGAN KAMI!

TENGOKLAH
MACAM MANA
TENTERA FILISTIN
MELARIKAN DIRI.

KEJAR
MEREKA - TUHAN
TELAH MEMBERI
KEMENANGAN
KEPADA KAMI.



INGATLAH
HARI INI, UMAT-
UMAT ISREAL...

BATU SEMPADAN INI
ADALAH PERINGATAN
BAHAWA 'TUHAN SUDAH
MENOLONG KITA DENGAN
SEPENUHNYA.'

TUHAN
SUDAH
MENOLONG KITA
DENGAN
SEPENUHNYA.

TUHAN SUDAH
MENOLONG KITA
DENGAN SEPENUHNYA!



SELAMA KEHIDUPAN SAMUEL,
TUHAN MENCEGAH ORANG
FILISTIN MENCEROBOH
KAWASAN ISRAEL.

DAN SAMUEL AKAN
MENGADAKAN PERJALANAN
MENGELILINGI ISREAL,
MENYELESAIKAN
PERSELISIHAN DAN MENJADI
HAKIM UMAT ISRAEL.



SUPERBIBLE.TV